

Syarikat Malaysia Raih Jualan RM86.04 Juta Di CeBIT 2014
Bernamea
19 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Syarikat Malaysia meraih jualan bernilai RM86.04 juta di pameran CeBIT 2014 yang baru berakhir di Hannover, Jerman.

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dalam satu kenyataan di sini Rabu berkata produk dan perkhidmatan yang menerima sokongan kukuh daripada pembeli termasuk teknologi encryption dan middleware bagi sektor telekomunikasi.

Pesuruhjaya Perdagangan Matrade Frankfurt, Jai Shankar, berkata 14 pempamer Malaysia menyertai pameran tersebut yang diadakan dari 10-14 Mac.

"CeBIT menyediakan platform bagi syarikat Malaysia untuk mempromosikan lagi produk dan perkhidmatan mereka ke pasaran Eropah dan berfungsi sebagai batu loncatan bagi globalisasi," katanya.

Beliau berkata pameran itu akan memberikan kefahaman kepada syarikat-syarikat mengenai trend terkini dan memastikan mereka tidak ketinggalan di belakang dari segi inovasi untuk berjaya secara komersial.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1023164>